



Aktiviti Penyelidikan Peneraju Penerbitan Ilmiah yang Berkualiti di UiTM Pahang

Ruziana Mohamed
Norhapizah Mohd Burhan

ABSTRAK

Selain daripada pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan merupakan salah satu kriteria penting bagi mengukur kecemerlangan sesebuah universiti. Melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan ini juga, impian UiTM untuk menjadi sebagai World Class University dapat direalisasikan. Oleh itu universiti mempunyai peranan yang besar dalam meneroka ilmu dan menghasilkan penemuan terkini melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan. Penyelidikan boleh dikongsi dan disebar kepada umum melalui penulisan atau penerbitan. Menyentuh aktiviti penyelidikan, di UiTM Pahang sendiri sememangnya mempunyai ramai pensyarah baru dan senior yang berwibawa serta pakar dalam bidang masing-masing. Melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan ini secara tidak langsung akan memperkasakan penerbitan ilmiah untuk disebar kepada umum supaya masyarakat dapat memperluaskan pengetahuan, lebih kreatif, inovatif dan peka terhadap perubahan. Tetapi sejauh manakah penglibatan para pensyarah UiTM Pahang sendiri dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan juga penulisan ataupun penerbitan? Apakah permasalahan dan cadangan yang boleh diberikan untuk menjadikan UiTM Pahang aktif dalam bidang penyelidikan dan seterusnya dalam bidang penulisan?

Kata kunci: *penyelidikan, penulisan*

Pengenalan

Penyelidikan merupakan kajian yang teliti dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan yang tersebut. Kajian ini juga adalah aktiviti ilmiah yang mengumpulkan pengetahuan baru, dilakukan secara sistematik, saintifik, kritikal dan pengumpulan data terhadap masalah tertentu. Penyelidikan melibatkan aspek kreativiti, inovasi dan rekacipta serta meningkatkan kefahaman pengetahuan, penjana ilmu baru, kepakaran atau pemimpin bidang-bidang tertentu (Jamaluddin, 2004). Dengan itu kita dapat mewujudkan modal insan yang berpengetahuan di mana ianya mampu untuk menjana ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Penulisan merupakan aktiviti mendokumentasikan hasil penyelidikan yang telah dilakukan melalui penghayatan ilmu dalam sesuatu bidang. Penerbitan atau penulisan termasuk semua bentuk karya ilmiah (rencana, esei, kertas kerja, ulasan buku, laporan, bahan kuliah, prosiding seminar dan persidangan dan sebagainya) yang diterbitkan dalam bahan bercetak seperti buku, ensiklopedia, jurnal, majalah, akhbar serta juga dalam bentuk rakaman seperti pita rakaman, video dan sebagainya. Melalui penyampaian pengetahuan dan kemahiran melalui penulisan atau penerbitan ilmiah ini bukan sahaja dapat menyuburkan budaya ilmu tetapi juga berupaya memberi sumbangan yang besar terhadap pembinaan minda bangsa yang maju.

Bagi mencapai wawasan 2020, persediaan yang rapi dan komitmen dari semua pihak amat perlu untuk merealisasikan wawasan tersebut. Modal insan yang bernilai tinggi dan masyarakat yang berpengetahuan perlu dilahirkan kerana ia merupakan ciri tenaga kerja negara maju iaitu berilmu, kreatif, inovatif dan berpengetahuan. Tenaga kerja yang berpengetahuan diperlukan kerana teknologi yang digunakan pada masa akan datang semakin memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi. Aktiviti penyelidikan boleh mendorong untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan melalui penemuan-penemuan baru hasil daripada kajian yang dilakukan. Hasil daripada penemuan dan hipotesis yang baru boleh dikembangkan dalam bentuk penulisan dan lebih banyak idea-idea yang baru wujud mendorong untuk menghasilkan inovasi.

Penyelidikan dan Penulisan di UiTM Pahang

Salah satu misi UiTM ialah “mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan”. Dapat dijelaskan bahawa penyelidikan merupakan salah satu tanggungjawab pensyarah selain daripada pengajaran dan pembelajaran. Melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan, pensyarah dapat menyebarkan ilmu dan kepakaran bukan sahaja di bilik-bilik kuliah dan seminar ilmiah tetapi juga melangkaui sempadan universiti melalui penulisan ilmiah. Untuk itu pensyarah digalakkan menjalankan penyelidikan bagi membolehkan aplikasi teori dalam bentuk praktikal, peningkatan pengajaran dan pembelajaran dan juga bagi peningkatan profesionalisme. Hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan perlu disebar dan dikongsi bersama seluruh masyarakat untuk dimanfaatkan bersama.

Komunikasi melalui penulisan dan penerbitan adalah salah satu cara untuk menyebarkan idea-idea baru dan hasilnya menjana kemajuan pengetahuan. Penulisan juga digunakan untuk mengukur prestasi para penyelidik institusi yang terlibat. Jadual dibawah menunjukkan penglibatan pensyarah UiTM Pahang dalam penyelidikan pada tahun 2008. Bilangan keseluruhan pensyarah UiTM Pahang pada tahun 2008 adalah 300 orang. Bilangan pensyarah yang terlibat di dalam penyelidikan berdasarkan projek yang diluluskan dalam tahun 2008 (Haslizaidi, 2008) ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual 2 pula menunjukkan bilangan pensyarah dan bilangan penulisan yang dihasilkan mengikut fakulti pada tahun 2008 (Kamisah, 2008).

Secara umumnya, daripada data yang dapat dilihat dalam Jadual 1 dan 2 menunjukkan penglibatan pensyarah di UiTM Pahang dalam bidang penyelidikan masih berkurang. Usaha telah pun dijalankan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan di UiTM Pahang antaranya ialah mengadakan bengkel dana kecemerlangan, bengkel penulisan jurnal antarabangsa, mengenalpasti hasil-hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan, melancarkan anugerah penulisan jurnal pada sambutan Hari Kualiti. Namun yang demikian penglibatan pensyarah masih lagi berkurangan dalam penyelidikan dan juga penulisan terutama dalam penerbitan bermutu tinggi dan mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Terdapat beberapa isu dan permasalahan yang wujud sehingga menyebabkan kurangnya penglibatan pensyarah dalam aktiviti penyelidikan dan penulisan di UiTM Pahang. Oleh itu kajiselidik dikalangan pensyarah dilakukan untuk melihat apakah masalah-masalah yang menyebabkan kekangan/halangan pensyarah UiTM Pahang untuk melibatkan diri dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

Jadual 1. Jumlah bilangan pensyarah yang terlibat dalam penyelidikan pada tahun 2008

Pangkat	Dana Kecemerlangan Kategori A	Dana Kecemerlangan Kategori C	Projek Geran FRGS	Projek e-Science	Penyelidikan tanpa pembiayaan
Professor	0	0	0	0	0
Professor Madya	1	3	0	0	3
Pensyarah kanan	0	2	2	0	1
Pensyarah	3	55	6	2	16
Pensyarah Muda	0	0	0	0	0

Jadual 2. Bilangan Pensyarah dan Bilangan Penulisan yang Dihasilkan Mengikut Fakulti sehingga November tahun 2008

Fakulti/ Program/Kampus	Pensyarah	Penulisan
Kejuruteraan Awam	1	5
Sains	9	15
Pengurusan Ladang	0	0
Teknologi Perkayuan	0	0
Perakauan & Undang-undang	4	5
Pengurusan Pejabat	0	0
BM111	0	0
BM112	1	1
BM115	2	4
FTMSK	10	18
Akademi Pengajian Bahasa	2	8
CITU	0	0
Kuantan	0	0
Raub	0	0

Kaedah Kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada pensyarah UiTM Pahang yang dipilih secara rawak dengan mengedarkan borang soal selidik. Responden terdiri daripada pensyarah lama dan baru dari semua fakulti yang terdapat di UiTM Pahang. Borang soal selidik yang berkaitan dengan permasalahan penyelidikan di UiTM Pahang mengandungi 14 soalan dengan hanya memberi jawapan ya ataupun tidak. Pada bahagian akhir borang ini diajukan tentang cadangan yang boleh diberikan untuk mengatasi permasalahan tersebut bagi meningkatkan lebih ramai pensyarah terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan penulisan.


Sebanyak 150 borang kajiselidik telah diedarkan kepada responden dan seramai 74 orang pensyarah yang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Edaran dilakukan

sewaktu adanya perhimpunan dikalangan pensyarah, dalam bilik rehat pensyarah dan dari bilik ke bilik.

Hasil dan Perbincangan

Hasil dari kajiselidik yang dijalankan menunjukkan 8 soalan daripada 14 soalan memberi jawapan ‘ya’ yang paling tinggi berbanding ‘tidak’ (Rajah 1). Seramai 47 orang pensyarah bersetuju mempunyai amanah tugas akademik (ATA) yang tinggi, seramai 59 orang pensyarah bersetuju bahawa capaian internet di UiTM Pahang terlalu perlahan sehingga menyukarkan pencarian maklumat melalui internet, seramai 44 orang pensyarah bersetuju bahawa pensyarah di UiTM Pahang ini tidak mendapat pendedahan prosedur yang selengkapnya untuk menjalankan penyelidikan, seramai 39 orang pensyarah bersetuju bahawa motivasi diri pensyarah sendiri untuk melibatkan diri dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi adalah terlalu rendah, seramai 38 orang pensyarah bersetuju bahawa kurangnya insentif dan imbuhan kepada para penyelidik menyebabkan ramai pensyarah kurang berminat untuk menjalankan penyelidikan dan seterusnya penulisan, seramai 41 orang pensyarah bersetuju keinginan untuk melaksanakan penyelidikan berkurangan kerana tiada sokongan teknikal yang melibatkan penggunaan peralatan, seramai 43 orang pensyarah bersetuju kelengkapan peralatan untuk melakukan penyelidikan sangat kurang, seramai 47 orang pensyarah bersetuju bahawa pensyarah teknik mengendalikan penulisan dan penyelidikan masih di tahap yang lemah.

Daripada hasil kajiseidik ini juga didapati 6 soalan mempunyai jawapan ‘tidak’ paling tinggi berbanding ‘ya’. Berikut diuraikan jenis soalan yang mempunyai jawapan ‘tidak’ paling tinggi. Seramai 59 pensyarah tidak bersetuju bahawa tidak mendapat galakan sepenuhnya daripada pihak pengurusan, seramai 44 orang pensyarah tidak bersetuju bahawa kurang mendapat informasi lengkap untuk mendorong dan melaksanakan penyelidikan, seramai 44 orang pensyarah tidak bersetuju bahawa tidak mempunyai sumber rujukan yang mencukupi sama ada dari segi buku, tesis, jurnal, artikel), seramai 41 orang pensyarah tidak bersetuju bahawa peruntukan dana yang masih kurang mencukupi, seramai 41 orang pensyarah tidak bersetuju bahawa minat terhadap penyelidikan semakin menurun kerana kurang bimbingan dan galakan manakala seramai 42 orang pensyarah tidak bersetuju bahawa kemudahan dan sokongan semua pihak termasuk pengurusan kurang diperolehi.



Rajah 1. Analisis kajiselidik

Antara pandangan dan cadangan yang diterima daripada ruang cadangan adalah seperti berikut :

1. Lebih kerap bengkel mengenai penyelidikan dan penulisan dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memberi lebih pendedahan kepada para pensyarah dalam penyelidikan dan penulisan. Menjemput penceramah yang pakar dalam bidang penyelidikan daripada luar.
2. Mengurangkan jumlah ATA yang padat sehingga menyebabkan ramai pensyarah tidak mempunyai banyak waktu untuk menjalankan penyelidikan dan kurangkan bebanan dalam bahagian pegurusan.
3. Jumlah peruntukkan untuk dana penyelidikan kecemerlangan perlu ditambah mungkin lebih daripada RM10 000. Menambah bilangan dana bagi tujuan penyelidikan.
4. Memberi insentif ataupun imbuhan yang setimpal kepada para penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan.
5. Memperbanyakkan bahan ilmiah sama ada dalam bentuk buku, tesis, jurnal atau artikel di perpustakaan.
6. Memberi galakan dan motivasi kepada pensyarah untuk menjalankan penyelidikan dan mendapat sokongan dari semua pihak. Setiap proposal penyelidikan seharusnya diberi sokongan walaupun kecil kesannya kepada penyelidikan universiti. Ini bertujuan untuk memupuk minat dan memberi keyakinan kepada pensyarah baru bagi memulakan penyelidikan.
7. Menambah bilangan pensyarah terutama kepada fakulti yang mana pensyarahnya mempunyai bebanan ATA yang banyak dan mewajibkan pensyarah untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan.
8. Mengurangkan birokrasi dalam menggunakan kemudahan terutamanya dari segi penggunaan peralatan dan kurangkan prosedur permohonan untuk pembelian yang leceh dan kurang jelas.
9. Meningkatkan kecekapan staf-staf yang terlibat dalam urusan penyelidikan dan penggunaan peralatan.
10. Meningkatkan capaian internet di UiTM Pahang bagi memudah dan mempercepatkan kerja-kerja pencarian melalui internet.
11. Menambah jumlah peralatan yang berkaitan dengan penyelidikan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, tahap penyelidikan dan penulisan dikalangan pensyarah UiTM Pahang masih rendah. Jika lebih banyak aktiviti penyelidikan dijalankan maka lebih banyak penulisan yang berkualiti dapat dihasilkan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat. Namun begitu dari kajiselidik yang telah dibuat terdapat beberapa permasalahan yang wujud sehingga aktiviti penyelidikan di UiTM Pahang masih berada di tahap yang rendah. Permasalahan yang paling ketara adalah bebanan ATA yang tinggi, peruntukkan dana kecemerlangan yang sedikit, kurangnya insentif dan imbuhan kepada pensyarah, capaian internet yang perlahan, kurang pendedahan prosedur untuk menjalankan penyelidikan, kurang motivasi diri dan tiada sokongan teknikal yang melibatkan penggunaan peralatan, kelengkapan peralatan masih ditahap rendah dan lemah dalam teknik mengendalikan penyelidikan dan penulisan. Oleh itu usaha untuk mengatasi permasalahan yang wujud perlu dilakukan oleh semua pihak agar dapat menggalakkan lebih ramai pensyarah terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan diiktiraf di peringkat universiti mahupun kerajaan bagi menjadikan UiTM ke arah universiti penyelidikan.

Rujukan

Haslizaidi Zakaria. (2008). Aktiviti RMU Pahang ke arah university Penyelidikan. *Prosiding Kolokium Akademik UiTM Pahang*, 147-156.

Kamisah Ariffin. (2008). Strategi Pencapaian Objektif Kualiti dalam Penulisan dan Penerbitan. *Prosiding Kolokium Akademik UiTM Pahang*, 13-21.

Jamaluddin Kasim. (2004). Pembudayaan Penyelidikan di kalangan Pensyarah uiTM Cawangan Pahang. *Prosiding Konferensi Akademik UiTM Pahang*, 1-7.

RUZIANA MOHAMED, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Pahang. Ruzianamohd@pahang.uitm.edu.my

NORHAPIZAH MOHD BURHAN, CITU, UiTM Pahang. izahuiaum@pahang.uitm.edu.my